



**SIARAN AKHBAR
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

PEMBAYARAN PENCEN PERKHIDMATAN DAN PENCEN TURUNAN SECARA TUNAI

Tarikh: 24 Mei 2020

1. Sukacita memaklumkan bahawa tarikh pembayaran Pencen Perkhidmatan dan Pencen Turunan bagi bulan Mei 2020 adalah pada **hari Khamis, 28hb Mei** dan **hari Sabtu, 30 Mei 2020**. Sepertimana jua yang telah dilaksanakan pada bulan Mac dan April yang lalu, Jabatan Perbendaharaan akan meneruskan pembayaran Pencen Perkhidmatan dan Pencen Turunan (balu serta tanggungan) ini melalui kaedah pandu lalu (*drive-thru*) di tempat berikut kecuali bagi Daerah Temburong.
 - 1.1 Bagi Daerah Brunei-Muara, pembayaran akan dibuat di Dewan Pusat Persidangan Antarabangsa;
 - 1.2 Bagi Daerah Belait, pembayaran akan dibuat di Dewan Persidangan Kuala Belait;
 - 1.3 Bagi Daerah Tutong, pembayaran akan dibuat di Dewan Kemasyarakatan, Tutong; dan
 - 1.4 Bagi Daerah Temburong pula, pembayaran akan dibuat di Pejabat Jabatan Perbendaharaan, Cawangan Temburong iaitu tempat lazim pembayaran di buat setiap bulan.
2. Sehubungan dengan itu, pembayaran pencen melalui kaedah pandu lalu dan melalui kaunter di Pejabat Jabatan Perbendaharaan, Cawangan Temburong akan bermula pada jam **7.30 pagi hingga 3.30 petang** pada tarikh-tarikh berkenaan. Pembayaran pada hari-hari berikutnya akan dibuat di Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi Daerah Brunei Muara dan di cawangan-cawangan Jabatan Perbendaharaan di Daerah Tutong, Daerah Belait dan Daerah Temburong selama 10 hari waktu bekerja.



3. Seterusnya, Kementerian Kewangan dan Ekonomi sekali lagi ingin menyarankan kepada para penerima yang mempunyai akaun bank tetapi belum mendaftarkannya ke Jabatan Perbendaharaan untuk membawa bersama salinan kad akaun bank berkenaan untuk proses pembayaran pencen bagi bulan berikutnya.
4. Kementerian Kewangan dan Ekonomi juga memohon kerjasama penerima-penerima untuk mematuhi arahan-arahan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa yang akan membantu dalam menyusun barisan kenderaan serta nasihat-nasihat yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan untuk tidak datang secara berkumpulan, keluar dari kereta dan berkumpul di kawasan pembayaran menunggu giliran masing-masing dan seterusnya untuk bersurai setelah urusan selesai.
5. Jika ada sebarang pertanyaan ke atas tatacara pembayaran yang dimaksudkan, para penerima bolehlah menghubungi talian-talian yang telah disediakan iaitu 2380822/2383469.

Jabatan Perbendaharaan
Kementerian Kewangan dan Ekonomi